



30 MAR, 2023

Bank Rakyat sumbang 540 pek berbuka kepada staf Sinar Harian

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Bank Rakyat sumbang 540 pek berbuka kepada staf *Sinar Harian*



Nizam (tengah) menyerahkan pek juadah berbuka puasa Bank Rakyat kepada Farah di lobi Kumpulan Karangkraf pada Rabu.



Nizam (enam dari kiri) bersama kakitangan Bank Rakyat yang hadir merakam gambar kenangan selepas menyerahkan pek juadah berbuka puasa di Kumpulan Karangkraf pada Rabu.

SHAH ALAM – Bank Rakyat menyumbang 540 pek juadah berbuka puasa kepada kakitangan *Sinar Harian* pada Rabu.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat, Nizam Sani berkata, pek juadah berbuka puasa untuk media ini merupakan inisiatif Bank Rakyat dalam menghargai media yang selama ini menyokong program dan kempen Bank Rakyat.

Menurutnya, ini merupakan tahun kesembilan program berkenaan diadakan yang turut melibatkan agensi-agensi media yang lain.

"Penganjuran program ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha institusi kewangan dalam merapatkan hubungan dengan pengamal media," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Turut hadir Naib Presiden, Komunikasi dan CSR Bank Rakyat, Nizam Abu

Samah.

Nizam berkata, sebanyak 3,500 pek juadah berbuka puasa telah disumbangkan melibat 20 agensi media di Lembah Klang, Sabah dan Sarawak.

Simbolik penerimaan sumbangan pek juadah berbuka berkenaan telah disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin.

Mengulas lanjut program tanggung-

jawab sosial (CSR) korporat Bank Rakyat tahun ini, Nizam berkata, program kolaborasi dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah berjaya mengagihkan bantuan kepada 4,000 penerima seluruh negara.

"Inisiatif ini sudah masuk tahun kedua dan ia dilihat dapat membantu golongan yang memerlukan terutama asnaf menyambut Ramadan dan Syawal," katanya.



30 MAR, 2023

Bank Rakyat sumbang 540 pek berbuka kepada staf Sinar Harian

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SHAH ALAM – Bank Rakyat menyumbang 540 pek juadah berbuka puasa kepada kakitangan Sinar Harian pada Rabu. Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat, Nizam Sani berkata, pek juadah berbuka puasa untuk media ini merupakan inisiatif Bank Rakyat dalam menghargai media yang selama ini menyokong program dan kempen Bank Rakyat.

Menurutnya, ini merupakan tahun kesembilan program berkenaan diadakan yang turut melibatkan agensi-agensi media yang lain.